**KENYATAAN AKHBAR**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA**
**2 NOVEMBER 2021**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 2 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,372 kes** (2,385,432 kes kumulatif, 96.1%);
- Kes baharu : **5,071 kes** (2,481,339 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (12 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,056 kes** [4,815 warganegara (95.2%); 241 bukan warganegara (4.8%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **557 kes** (498 kes disahkan COVID-19 ; 59 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **300 kes** (207 kes disahkan COVID-19 ; 93 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,781 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,377 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **404 kluster**.

Daripada **5,071 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **121 kes (2.4 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,950 kes (97.6 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di https://covidnow.moh.gov.my. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan ***Wash, Wear*** dan ***Warn***).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
2 November 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

# KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 2 NOVEMBER 2021

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Jalan Tuanku Dua | Tempat Kerja | WP Kuala Lumpur | Lembah Pantai | 6 | 38 |
| 2 | Industri Jalan KPB Sembilan | Tempat Kerja | Selangor | Hulu Langat | 16 | 31 |
| 3 | Triang Bera | Tempat Kerja | Pahang | Bera | 35 | 117 |
| 4 | Chengal Lempong | Pendidikan Lain | Pahang | Kuantan | 12 | 36 |
| 5 | Permatang Shahbandar | Komuniti | Pahang | Maran | 13 | 33 |

**LAMPIRAN 2**

## NILAI $R_T$ MENGIKUT NEGERI BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 1 NOVEMBER 2021

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| **WP PUTRAJAYA** | 1.06 |
| **WP KUALA LUMPUR** | 1.01 |
| **NEGERI SEMBILAN** | 1.00 |
| **MELAKA** | 0.98 |
| **SELANGOR** | 0.98 |
| **KEDAH** | 0.96 |
| **SABAH** | 0.95 |
| **PAHANG** | 0.95 |
| **PERLIS** | 0.95 |
| **TERENGGANU** | 0.90 |
| **PULAU PINANG** | 0.90 |
| **KELANTAN** | 0.87 |
| **PERAK** | 0.86 |
| **JOHOR** | 0.86 |
| **SARAWAK** | 0.86 |
| **WP LABUAN** | 0 |
| **MALAYSIA** | **0.96** |